

26/04/2001

FTA: Tindakan membisu Singapura jadi persoalan

Abdul Halim Yusoff

TINDAKAN Singapura membisu ketika hampir semua rakannya dalam Asean menyatakan rasa kurang senang terhadap tindakannya memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan beberapa negara luar rantau ini, menimbulkan pelbagai persoalan.

Ini berikutan tindakan Singapura memeterai beberapa FTA dan masih berusaha mengadakan beberapa lagi perjanjian seumpama itu dilihat sebagai tidak sejajar dengan dasar permuafakatan dalam Asean.

Beberapa negara Asean sebelum ini secara terbuka menyatakan tindakan mana-mana negara anggotanya memeterai FTA dengan pihak lain di luar gagasan itu pasti menggugat keberkesanan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Sehingga ini, Singapura sudah mengadakan FTA dengan New Zealand manakala rundingan untuk memeterai perjanjian yang sama dengan Australia dijangka dapat diselesaikan menjelang hujung tahun ini.

Ia juga kini dikatakan merangka FTA dengan Mexico, Amerika Syarikat dan Jepun dan perkembangan itu mencetuskan kebimbangan republik itu akan dijadikan 'Kuda Trojan' untuk produk negara berkenaan memasuki Asean secara pintu belakang.

Pejabat Perdagangan Singapura di Malaysia ketika dihubungi untuk mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Moahamad supaya negara Asean tidak membenarkan bukan anggota menggunakan pintu belakang memasuki Afta, tidak dapat mengulas kerana ia berkaitan dengan dasar kerajaan republik itu.

Sorang kakitangannya berkata, setakat ini kerajaan Singapura tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung kebimbangan negara Asean lain berikutan tindakannya mengadakan FTA berkenaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong pernah mengulas mengenai isu itu dengan berkata, "mereka yang boleh berlari laju tidak patut dihalang oleh mereka yang tidak berminat berlari langsung".

Mengenai sikap Singapura itu, kalangan ahli ekonomi berpendapat pasaran bebas sangat penting bagi republik itu kerana ia bergantung kepada dagangan luar yang mewakili 70 peratus daripada permintaan produknya tahun lalu.

Ahli ekonomi dan penasihat korporat, Tan Sri Ramon Navaratnam, memberikan beberapa sebab Singapura tidak mahu memberi ruang kepada negara Asean lain menyangkal alasan yang mereka berikan untuk berbuat demikian.

"Mereka juga bimbang mengulas kerana tahu FTA dengan bukan Asean bercanggah dengan persefahaman perdagangan bebas Asean kerana ia memberi negara bukan Asean laluan pintu belakang ke pasaran Asean dengan label produk Singapura," katanya.

Republik itu juga sedar adalah sukar untuk mengelakkan percanggahan dan salah guna sistem perdagangan bebas Afta jika ia mengadakan FTA dengan negara lain, jadi membisu lebih baik.

Ini kerana, keadaan sebegitu juga meletakkan negara Asean lain dalam keadaan sukar untuk menentukan kesahihan sama ada sesuatu produk adalah dari Singapura atau negara lain.

Ramon berkata, tindakan Singapura itu juga mencabar tahap keterbukaan dasar negara itu.

"Mereka lebih senang melakukannya (FTA) secara senyap-senyap untuk untuk keuntungan sendiri," katanya.

Sementara itu, seorang ahli ekonomi lain yang tidak mahu dikenali

berkata, inisiatif perdagangan bebas Asean akan `terhakis' dengan tindakan Singapura mengadakan FTA dengan negara bukan anggota Asean itu.

"FTA boleh diadakan jika ia membabitkan sekumpulan Asean dan bukannya sesebuah negara Asean dengan negara lain saja. Ini kerana dalam keadaan itu hanya sebuah negara saja mendapat manfaat," katanya.

(END)